

# **POTENSI MEMBANGUNKAN PROGRAM HOMESTAY DAN PENGLIBATAN KOMUNITI DI PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA**

## ***POTENTIAL TO DEVELOP HOMESTAY PROGRAMMES AND COMMUNITY PARTICIPATION IN PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA***

Harhamsah Hairal<sup>1</sup>, Rosazman Hussin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS)  
Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS)  
Universiti Malaysia Sabah

[Ma1821118t@student.ums.edu.mu](mailto:Ma1821118t@student.ums.edu.mu), [azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my)

Corresponding author: Rosazman ([azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my))

### **ABSTRACT**

*In general, the Homestay program and community involvement is one of the initiatives to develop rural communities especially in Sabah and Malaysia. This is because the implementation of the program contributes in the increase of Malaysia's economic income as well as helps to improves socio-economy of community members that involved. Therefore, in order to implement the development of Homestay Program in Pulau Gaya, there are several factors that must be examined and considered to proves whether Pulau Gaya has the potential for the development of Homestay Program. Hence, this study aims to identify the potential of developing Homestay Program and the involvement of community members in Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. In this study, researcher has applied Mixed Methods in data collection process. Through quantitative methods, researcher has conducted a questionnaire on 150 respondents including the head of the household or their representative. Meanwhile, in qualitative method, the researcher has interviewed 15 informants (Stakeholders) based on purposive sampling. As result of this study, it can be said that the potential to develop a homestay program and the involvement of community members is high based on the questionnaire data which shows that 101 people or 67.33 percent of respondents agreed to participate in the homestay program. In addition, SWOT analysis also shows that Pulau Gaya*

*community members have the potential to develop homestay program because the aspect of strengths and opportunities in the SWOT analysis shows higher results than the aspects of weaknesses and threats. This shows that Pulau Gaya community members has higher potential. For that reason, the result of this study shows that Pulau Gaya has the potential to develop a homestay program due to the involvement of community members.*

**Keywords:** *Potential, Community Member Participation, Homestay Programmes, Pulau Gaya.*

### ABSTRAK

Program homestay dan penglibatan ahli komuniti merupakan salah satu inisiatif membangunkan komuniti di luar bandar di Sabah dan Malaysia amnya. Ini kerana, pelaksanaan program homestay merupakan penyumbang kepada peningkatan pendapatan ekonomi negara dan sekaligus membantu meningkatkan sosioekonomi ahli komuniti yang terlibat. Dalam hal ini, bagi merealisasikan pembangunan program homestay di Pulau Gaya terdapat beberapa faktor yang harus diteliti dan diambil kira bagi membuktikan sama ada Pulau Gaya berpotensi untuk pembangunan program homestay. Oleh itu, kajian ini cuba melihat potensi membangunkan program homestay dan penglibatan ahli komuniti di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Pengumpulan data kajian ini, penyelidik telah mengaplikasikan kaedah *mixed methods*. Melalui kaedah kuantitatif penyelidik telah melakukan soal selidik ke atas 150 responden iaitu ketua isi rumah atau wakil mereka. Manakala, kaedah kualitatif penyelidik telah menemubual 15 informan (Stakeholder) berdasarkan persampelan bertujuan. Hasil kajian ini, menunjukkan potensi membangunkan program homestay dan penglibatan ahli komuniti adalah tinggi berdasarkan data soal selidik iaitu menunjukkan sebanyak 101 orang atau 67.33 peratus responden bersetuju untuk menyertai program homestay. Di samping itu, melalui analisis SWOT juga menunjukkan bahawa ahli komuniti Pulau Gaya berpotensi membangunkan program homesray kerana, aspek kekuatan dan peluang dalam analisis SWOT menunjukkan lebih tinggi berbanding aspek kelemahan dan ancaman. Hal ini, menunjukkan bahawa ahli komuniti Pulau Gaya mempunyai potensi yang tinggi. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa Pulau Gaya mempunyai potensi membangunkan program homestay disebabkan adanya penglibatan ahli komuniti.

**Kata kunci:** Potensi, Penglibatan ahli komuniti, Program Homestay, Pulau Gaya.

## Pengenalan

Program homestay merupakan strategi pelancongan di luar bandar dan ia melibatkan pelancong menginap, menjamu selera serta dihiburkan dengan acara tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung yang terlibat (Jabil Mapjabil, et al. 2011). Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah (*host*) mereka (Norliza & Salamiah, 2006). Homestay adalah satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah iaitu pengusaha homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian, Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia, para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mencuba menjalani gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2010).

Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan "*lifestyle*" atau yang berunsurkan pengalaman. Salah satu matlamat pelaksanaan program homestay ini adalah untuk memenuhi kehendak dua kumpulan sasaran iaitu masyarakat kampung (ahli komuniti) dan para pelancong (Mapjabil & Ismail, 2012). Bagi ahli komuniti, berkongsi manfaat daripada sektor pelancongan yang telah dimajukan untuk semua lapisan masyarakat dengan penyertaan mereka di dalam industri pelancongan, dimana kekayaan daripada industri pelancongan dimanfaatkan bersama oleh semua lapisan masyarakat. Seterusnya, pembangunan program homestay ini juga dapat melahirkan usahawan pelancongan dalam kalangan masyarakat desa. Manakala, bagi para pelancong pula, program homestay ini memberikan pengalaman yang unik kerana dapat menjalani cara kehidupan komuniti kampung yang berbeza dengan masyarakat bandar. Selain itu, program ini dapat mewujudkan produk pelancongan hospitaliti desa dengan harga yang kompetitif dan bertaraf antarabangsa (Mapjabil & Ismail, 2012).

Salah satu sebab mengapa program homestay diperkenalkan dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan komuniti setempat adalah meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar serta menggalakkan penyertaan mereka dalam perancangan dan pembangunan pelancongan. Homestay juga merupakan salah satu strategi kerajaan untuk mempelbagaikan punca pendapatan pembangunan sosioekonomi yang lebih baik (Velan, 2019).

**Sorotan Literatur:**

***Tipologi Penglibatan Komuniti Dalam Pelancongan Oleh Pretty (1995)***

Tipologi Pretty (1995), digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti bentuk penglibatan ahli komuniti di Pulau Gaya terutamanya dalam pembangunan program homestay Lihat Jadual 1. Tujuh peringkat penyertaan dalam Tipologi Pretty (1995), membincangkan berkenaan hubungan kuasa antara komuniti dengan pihak pemaju dalam proses membuat keputusan. Di samping itu, tahap penglibatan yang berbeza wujud akibat daripada peranan atau kuasa dalam organisasi. Hal ini, membuktikan bahawa pembangunan program homestay perlunya penglibatan daripada ahli komuniti kerana tanpa penglibatan ahli komuniti program pelancongan yang bakal dibangunkan tidak dapat dilaksanakan.

**Jadual 1: Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Pretty (1995)**

<b>Bentuk penglibatan</b>	<b>Penerangan</b>
Penglibatan Manipulasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penglibatan ahli komuniti bersifat lakonan.</li> <li>➤ Individu yang mewakili komuniti di meja rundingan tidak dipilih secara rasmi dan tiada wakil penduduk terlibat yang biasanya disuruh untuk mejayakan sesuatu projek.</li> </ul>
Penglibatan Pasif	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penduduk yang terlibat biasanya disuruh untuk menjayakan sesuatu projek.</li> <li>➤ Maklum balas atau respons penduduk tidak diambil kira oleh pengarah projek kerana lebih menekan pendapatan ahli profesional.</li> </ul>
Penglibatan Konsultasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ahli komuniti terlibat dinasihatkan supaya terlibat sama dalam projek.</li> <li>➤ Agensi luar yang mengawal semua proses pembangunan.</li> </ul>
Penglibatan Insentif	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ahli komuniti terlibat dalam menyumbangkan tenaga kerja untuk mendapatkan faedah dalam bentuk nilai mata wang atau material lain.</li> </ul>
Penglibatan Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ahli komuniti berfungsi dalam pembentukan sesuatu tindakan secara kumpulan dengan agensi luar untuk mencapai objektif projek.</li> <li>➤ Tiada penglibatan dalam membuat keputusan kerana keputusan projek telah ditentukan oleh agensi pembangunan luar.</li> </ul>
Penglibatan Interaktif	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ahli komuniti terlibat dan kerjasama dengan agensi pembangunan. Penglibatan dianggap sebagai untuk terlibat.</li> <li>➤ Penglibatan melalui proses pendidikan, mengukuhkan institusi tempatan dan dapat mengawal sumber serta mencapai matlamat projek.</li> <li>➤ Keputusan pembangunan pada peringkat tempatan dikuasai oleh komuniti</li> </ul>

Penglibatan sendiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Komuniti terlibat melalui inisiatif sendiri atau sendiri secara bebas. Matlamat projek dicapai dengan jayanya.</li> <li>➤ Namun, penglibatan jenis ini memerlukan kerangka sokongan daripada kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).</li> </ul>
---------------------	---

**Sumber: Pretty (1995)**

Dalam konteks kajian ini, walaupun Tipologi Pretty (1995) digunakan untuk program pelancongan yang sudah wujud, namun tipologi ini adalah relevan untuk digunakan sebagai indikator potensi penglibatan ahli komuniti dalam membangunkan program homestay. Dalam hal yang sama, tahap penglibatan ahli komuniti yang dibincangkan oleh Pretty (1995) sangat sesuai diaplikasikan bagi melihat tahap penglibatan sebenar ahli komuniti dalam program homestay. Ini kerana, Tipologi Pretty ini mampu membincangkan tahap penglibatan ahli komuniti dengan terperinci iaitu mempunyai tujuh tahap penglibatan; daripada tahap penglibatan paling rendah (penglibatan manipulasi) ke tahap penglibatan paling tinggi (penglibatan sendiri).

#### *Konsep Potensi Penglibatan Ahli Komuniti dalam Program Homestay*

Definisi konsep potensi penglibatan ahli komuniti [dalam program pembangunan seperti program homestay] menurut Madji & Udo Yamin Efendi (2007) adalah kemampuan ahli komuniti [atau individu] yang terlibat yang boleh dikembangkan dan dibangunkan potensi dalaman diri mereka seperti kekuatan, pengaruh, kesanggupan dan daya usaha untuk turut serta dalam sesuatu program pembangunan komuniti seperti program homestay. Potensi adalah kekuatan terpendam yang belum dimanfaatkan.

Seterusnya, Kim (2002) mengatakan bahawa potensi penglibatan ahli komuniti dalam sektor pelancongan boleh memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi dan boleh membawa kepada peningkatan pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Manakala, menurut Ashworth (2002), potensi penglibatan ahli komuniti merujuk kepada kesan positif aktiviti pelancongan yang membawa dua kesan pembangunan ekonomi; peringkat pertama adalah peringkat keluarga (atau individu); peringkat kedua adalah peringkat komuniti. Di peringkat keluarga, program pelancongan berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan sampingan dan menyumbang kepada kepelbagaian sumber pendapatan. Bagi peringkat komuniti potensi pelancongan memberikan sumber pendapatan melalui jaringan perniagaan dan perusahaan.

Selain itu, definisi potensi penglibatan dalam program homestay merujuk kepada beberapa ciri iaitu yang pertama ahli komuniti mempunyai kesepakatan dalam menjayakan sesuatu program pembangunan (Ashworth, 2002). Misalnya, ahli komuniti mempunyai semangat yang tinggi dalam melakukan setiap perkara terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan. Kedua, penajaan peluang pekerjaan baru kepada komuniti setempat di mana pengusaha homestay memerlukan pekerja seperti tukang masak, pemandu pelancong, pembersihan dan sebagainya. Ketiga, penajaan sumber pendapatan kepada komuniti melalui penyediaan makanan, minuman, pengangkutan, penjualan produk-produk kampung. Keempat, mempunyai kemudahan infrastruktur seperti elektrik, air, telekomunikasi, balai raya, masjid dan surau (Ezawati & Norasmah, 2019).

Dalam konteks kajian ini, konsep potensi yang diaplikasikan tersebut terbahagi kepada dua; *pertama* adalah potensi dari segi ekonomi di mana pelaksanaan program homestay ini dapat menyumbang pelbagai manfaat seperti peluang pekerjaan baru, sumber pendapatan dan dapat memajukan kawasan kajian. *Kedua* adalah keunikan budaya komuniti dan keindahan alam semulajadi berpotensi dibangunkan sebagai produk atau aktiviti pelancongan yang selari dengan program homestay seperti aktiviti berasaskan sumber alam semulajadi dan aktiviti kebudayaan.

### *Konsep Homestay*

Definisi homestay bagi setiap negara adalah berbeza mengikut situasi. Menurut Mapjabil & Ismail (2012), homestay merujuk kepada satu bentuk penginapan atau satu bentuk kemudahan tempat tinggal di mana pelancong diberi peluang untuk tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah (*host*) yang dipilih untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga tersebut. Selain daripada aktiviti sosiobudaya komuniti, pelancong berpeluang untuk menikmati keindahan alam semula jadi dan berpeluang untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti berasaskan alam sekitar seperti, *jungle trekking* dan lain-lain.

Seterusnya, menurut Amran Hamzah & Zainah Khalifah (2009), di Malaysia definisi rasmi bagi homestay mengikut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (1995) ialah pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah dan mempelajari gaya hidup serta budaya mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung. Homestay adalah satu bentuk kemudahan tempat tinggal di mana pelancong akan dapat tinggal bersama

keluarga tuan rumah yang dipilih dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga berkenaan dan kebudayaan secara langsung.

Manakala, menurut kajian Sihombing & Simanjuntak (2019), program homestay merupakan bentuk penginapan alternati di mana pelancong mengalami cara hidup di desa yang khas dengan masyarakat setempat. Manakala, menurut *Standard Homestay ASEAN* (2016), program homestay mempunyai beberapa istilah dan definisi yang menjurus kepada program homestay. Dalam kajian ini, beberapa definisi homestay yang diketengahkan oleh *Standard ASEAN Homestay* (The ASEAN 2016:2-5) seperti:

- 1) Homestay adalah tempat yang menarik dan menyenangkan serta terdapat nilai-nilai signifikan seperti budaya, sejarah, aktiviti pelancongan, industri lokal dan alam sekitar.
- 2) Homestay merupakan pengurusan penerimaan pelancongan yang berkunjung.
- 3) Homestay adalah aktiviti komuniti yang menekankan hubungan sosial yang baik bagi melakukan kegiatan seperti gotong-royong.

Seterusnya, *Standard ASEAN Homestay* (The ASEAN 2016:5-9), menyenaraikan ciri-ciri pengurusan homestay iaitu:

- 1) Seseorang (pelancong) yang tinggal dapat berinteraksi dan terlibat dalam aktiviti komuniti setempat.
- 2) Pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah dan mengalami cara hidup keluarga dan budaya komuniti setempat.
- 3) Proses pengurusan homestay melibatkan perancangan, pengorganisasian, memimpin, dan mengendalikan untuk mencapai tujuan homestay.

Sehubungan dengan itu, definisi homestay yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah definisi yang disarankan oleh *Standard ASEAN Homestay*. Hal ini demikian kerana, definisi homestay yang digariskan oleh *Standard ASEAN Homestay* adalah mencakupi ciri-ciri konseptual dan praktikal yang sesuai dengan konsep pembangunan pelancongan mampan.

### **Metodologi Kajian: *Kaedah kutipan data mixed methods***

Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah *Mixed Methods*, di mana penyelidikan ini menggabungkan dua pendekatan kajian iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif (Nur Hazirah & Ros Mahwati, 2020). Pendekatan dominan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif kerana penyelidik lebih memberatkan data kualitatif untuk menjawab persoalan kajian dan objektif kajian secara mendalam yang tidak dapat dijelaskan oleh data kuantitatif. Seterusnya, pendekatan kualitatif mampu untuk menghuraikan secara khusus dan mendalam mengenai potensi membangunkan program homestay dan penglibatan ahli komuniti kerana fenomena sosial ini bersifat kompleks (Ghazalli, et al. 2020). Manakala, pendekatan yang melengkapinya adalah pendekatan kuantitatif kerana pengkaji hanya menggunakan teknik penjelasan data statistik dalam bentuk penjelasan deskriptif (kekerapan & peratusan) agar data tersebut mudah difahami dan menyokong atau tidak menyokong data kualitatif. Teknik penjelasan deskriptif statistik ini digunakan untuk meneliti taburan data demografi responden dan data skala likert iaitu pengukuran bagi persepsi tentang tahap penglibatan ahli komuniti dalam program homestay dan aktiviti pelancongan. Pendekatan kuantitatif merupakan suatu pendekatan yang digunakan untuk menjelaskan tingkah laku dan memahami persekitaran manusia itu sendiri (Hermawan, 2019).

Kedudukan Pulau Gaya yang berhampiran Bandaraya Kota Kinabalu dan kira-kira 10 minit menaiki bot dari Kota Kinabalu memudahkan pergerakan keluar masuk dari pulau ke bandar. Pulau ini berkeluasan 1,465 hektar dan terdapat lebih kurang 10,000 orang penduduk yang mendiami rumah di atas air iaitu rumah kayu bertiang dibina di tepi pantai yang cetek dan landai. Mereka terdiri daripada etnik Bajau. Selain itu, sebahagian besar daripada pulau ini termasuk dalam kawasan Taman-taman Sabah yang merupakan salah sebuah daripada rangkaian pulau yang diisytiharkan sebagai Taman Negara Tunku Abdul Rahman (DBKK, 2019).



**Foto 1: Kampung Pulau Gaya**



Sumber: <https://www.google.com/maps/@5.9981178,116.068533,6293m/data=!3m1!1e3>

Kampung Pulau Gaya, adalah perkampungan yang belum digazetkan. Namun, ahli pemimpin kampung ini telah membuat permohonan pada 2015 bagi digazetkan. Tetapi semasa kajian ini dijalankan, status permohonan tanah kampung masih dalam proses (Encik Sairi. MPKK, 2019). Kampung Pulau Gaya adalah kawasan di bawah Dun N.17 Tanjung Aru dalam parlimen P.173. Ketua Kg Pulau Gaya adalah Encik Haji Bantilan Bin Arkis. Keluasan kampung ini adalah 10 ekar yang mana corak perumahan penduduk kampung ini adalah menjajar yang dibina dari sepanjang persisir pantai yang memanjang ke laut yang berjumlah 180-unit buah rumah (DBKK, 2019).

Kampung Pulau Gaya mempunyai jumlah penduduk 1079 orang penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Bajau Ubian, Bajau Mengkabung, Brunei, Iban, Buton, Dusun, Iranun, dan Suluk (DBKK, 2015). Jenis pekerjaan dan aktiviti ekonomi penduduk pula adalah terdiri dari bekerja sendiri (informal), nelayan, bekerja di sektor swasta dan kakitangan agensi kerajaan. Dalam aspek sosial, Kg Pulau Gaya mempunyai beberapa persatuan dan jawatankuasa yang menjalankan segala urusan di kawasan perkampungan tersebut. Antara persatuan yang terlibat adalah, Jawatankuasa Penduduk Kg Pulau Gaya, Persatuan Komuniti 1 Malaysia, dan Badan Amal. Kampung ini juga mempunyai pelbagai kemudahan infrastruktur seperti, balai raya, masjid, tadika, bekalan elektrik, jambatan titian awam, gelanggang sepak takraw, padang bola sepak serta tapak perkuburan khas (Haji Bantilan, 2019). Oleh itu, kepelbagaian etnik, pengalaman bekerja

yang sedia mahir dan mempunyai persatuan yang mengurus hal sosial komuniti ini, menunjukkan komuniti kampung ini berpotensi membangunkan program homestay yang sememangnya perlu penglibatan ahli komuniti dengan kerjasama yang baik.

## **Hasil kajian dan perbincangan**

### ***Faktor Potensi Membangunkan Program Homestay dan Penglibatan Ahli Komuniti Di Kg Pulau Gaya***

#### ***1. Ahli Komuniti Bersedia Membangunkan Program Homestay di Kg Pulau Gaya berdasarkan beberapa faktor:***

Dalam kajian ini kayu ukur bagi ahli komuniti bersedia membangunkan program homestay adalah berdasarkan pengakuan mereka semasa menjawab borang soal selidik sama ada setuju atau tidak setuju untuk turut serta. Di samping itu, syarat penubuhan homestay yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, negeri Sabah juga dijadikan kayu ukur bagi ahli komuniti sama ada layak atau tidak layak diiktiraf sebagai peserta homestay di Sabah. Penulis mendapati ada empat faktor mengapa ahli komuniti setuju untuk turut serta dalam program homestay dan aktiviti pelancongan di Kg Pulau Gaya seperti berikut:

##### ***i. Ahli Komuniti mempunyai pengalaman dalam sektor pelancongan.***

Menurut informan iaitu Haji Bantilan melalui sesi temu bual yang telah dijalankan menyatakan bahawa ahli komuniti bersedia untuk terlibat dalam pelancongan khususnya bila program homestay dibangunkan di Kg Pulau Gaya. Perkara ini, disebabkan ahli komuniti mempunyai pengalaman dalam pelancongan seperti ramai golongan belia Kg Pulau Gaya yang bekerja di resort-resort yang terdapat di Pulau Gaya iaitu sebagai pemandu bot pelancong (*boatman*), *housekeeping*, sekuriti dan sebagainya. Oleh itu, menunjukkan bahawa ahli komuniti yang mempunyai pengalaman bekerja di pusat pelancongan merupakan satu galakkan untuk terlibat dalam pembangunan program homestay di Kg Pulau Gaya.

*“.... dalam soal pelancongan ini, semua budak-budak yang ada sekarang ini bergiat dalam pelancongan ini, Cuma sebilangan kecil la yang ada modal jadi bos-bos pelancong,*

*yang kebanyakan ini pekerja-pekerja sebagai  
pelancong la...”*

**(Haji Bantilan, 2020)**

*ii. Program homestay dan aktiviti pelancongan berpotensi memberi  
sumber pendapatan tambahan*

Seterusnya, kesediaan ahli komuniti untuk terlibat dalam program homestay ini juga disebabkan manfaat yang diperolehi melalui pelaksanaan program homestay. Hal ini kerana, kejayaan membangunkan program homestay di Kg Pulau Gaya nanti akan memberikan manfaat dari segi sumber pendapatan kepada ahli komuniti, kawasan kampung dapat dimajukan seperti kemudahan infrastruktur ditambah. Perkara ini juga, menurut Encik Razak menjadi galakkan terhadap ahli komuniti untuk turut serta dalam program homestay, jika pelaksanaan program homestay ini mendatangkan keuntungan atau manfaat kepada ahli komuniti. Oleh hal ini, menurut beliau ahli komuniti ingin mengubah taraf hidup mereka kearah yang lebih baik.

*“.... memang orang akan bersedia asalkan  
bila perkara tu orang bilang mendatangkan  
hasil tu saya rasa orang akan bersetuju...”*

**(Razak, 2020)**

*iii. Program homestay dan aktiviti pelancongan berpotensi memberi  
peluang pekerjaan.*

Di samping itu, kesediaan ahli komuniti terlibat dalam membangunkan program homestay ini juga disebabkan peluang pekerjaan yang wujud melalui pelaksanaan program tersebut. Hal ini demikian kerana, menurut Puan Hajijah yang merupakan penduduk Kg Pulau Gaya dan salah satu informan yang bersetuju terlibat dalam pelaksanaan program homestay menyatakan bahawa pelaksanaan program homestay di Kg Pulau Gaya ini merupakan program yang komuniti inginkan disebabkan ia mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada ahli komuniti yang tidak mampu keluar bekerja dari Pulau Gaya ke tanah besar. Sementara itu, beliau berpendapat juga membangunkan program ini mampu untuk mengubah perspektif negatif orang luar terhadap komuniti yang ada di Pulau Gaya. Oleh itu, beliau ingin terlibat dalam membangunkan program homestay ini bagi mengubah kehidupan ahli komuniti.

*“...penduduk kampung bersedia membangunkan program homestay di mana pembukaan homestay tersebut akan membuka peluang pekerjaan dan daya tarikan kampung dan secara tidak langsung dapat mengubah pandangan orang luar terhadap pulau gaya. “Bak kata Pepatah “tak kenal maka tak cinta...”*

**(Hajijah, 2020)**

*Iv. Terdapat informan yang mampu untuk menyediakan penginapan homestay dan aktiviti pelancongan di Kg Pulau Gaya.*

Selain itu, faktor potensi penglibatan ahli komuniti dalam pelaksanaan program homestay di Kg Pulau Gaya disebabkan terdapat lebih dari sepuluh (10) buah rumah yang sesuai dijadikan homestay. Menurut, encik Kanci sepuluh buah rumah yang sesuai untuk program homestay ini mempunyai struktur rumah yang kukuh, saiz rumah yang besar dan mempunyai kemudahan asas yang lengkap dan sesuai untuk pelancongan:

*“.... lebih daripada 10 kalau kita tengok la betul kalau di sana ada dua adik saya dan sepupu saya rumah dorang ini memnag boleh dimajukan sebagai homestay...”*

**(Kanci, 2020)**

Seterusnya, menurut Encik Edmund Jokimin merupakan Pegawai Lembaga Kementerian Pelancongan, Sabah menyatakan bahawa salah satu syarat membangunkan program homestay di sesebuah kampung perlu atau sekurang-kurangnya ada sepuluh (10) buah rumah dalam satu kampung yang sesuai dijadikan homestay. Menurut beliau:

*“...Ini program homestay ni err adalah inisiatif apa bah persatuan pelancongan dan kebudayaan Malaysia, Federal punya la MOTAC. Jadi dia punya apaini kan keperluan tu atleast dalam satu kampung itu ataupun area tidak lebih dari 10 batu la itu dia punya alatan tu rumah la dia punya kawasan tu mesti ada sepuluh rumah di satu kawasan tu dan penyelarar seorang penyelarar la...”*

Oleh hal demikian, menunjukkan bahawa kesediaan ahli komuniti dalam membangunkan program homestay di Kg Pulau Gaya merupakan faktor potensi pembangunan program homestay dan penyertaan ahli komuniti dalam pembangunan program homestay.

**Jadual 2: Bilangan Responden yang Bersedia Membangunkan Program Homestay di Kg Pulau Gaya Mengikut Jantina (N=150)**

Bil	Faktor Potensi	Skala Likert	Jantina	Peratus (%)	Jumlah	
1	Bersetuju untuk membangunkan homestay di Kg Pulau Gaya	Sangat Tidak Setuju	L = 1	0.66	4 (2.66%)	
			P = 3	2		
		Tidak Setuju	L = 2	1.33	14 (9.33%)	
			P = 12	8		
		Sederhana	L = 7	4.67	17 (11.33%)	
			P = 10	6.67		
		Setuju	L = 33	22	72 (48%)	
			P = 39	26		
		Sangat Setuju	L = 28	18.67	43 (28.67%)	
			P = 15	10		
		<b>Jumlah</b>		<b>150</b>	<b>100%</b>	<b>150 (100%)</b>

Sumber: Kajian Lapangan, 2020

Kenyataan di atas disokong oleh hasil dapatan daripada soal selidik bahawa responden yang setuju mengikut jantina. Responden lelaki yang setuju sebanyak 22 peratus mewakili 33 orang dan sangat setuju 18.67 peratus mewakili 28 orang responden. Manakala, responden perempuan setuju 26 peratus mewakili 39 orang dan sangat setuju 10 peratus mewakili 15 orang. Bagi keseluruhan yang setuju adalah sebanyak 48 peratus mewakili 72 orang dan sangat setuju 28.67 peratus mewakili 43 orang responden. Secara keseluruhan yang bersetuju dengan pernyataan tersebut menunjukkan 76.67 peratus mewakili 115 orang responden. Manakala, bagi data tidak setuju iaitu 9.33 peratus mewakili 14 orang responden dan data sangat tidak setuju 2.66 peratus mewakili 4 orang responden, secara keseluruhan menunjukkan 11.99 peratus mewakili 18 orang responden. Hal ini, dapat dirumuskan bahawa ahli komuniti bersedia untuk terlibat dalam membangunkan program homestay di Kg Pulau Gaya.

## 2. Terdapat Kemudahan Infrastruktur Air paip dan Elektrik 24 jam

Memiliki kemudahan infrastruktur air dan elektrik yang beroperasi 24 jam juga merupakan faktor potensi bagi pelaksanaan program homestay di Kg

Pulau Gaya. Hal ini demikian kerana, kemudahan air dan elektrik adalah perkara wajib yang harus ada bagi memudahkan kelancaran aktiviti serta bagi memberikan keselesaan untuk para pelancong. Menurut Puan Hajjah, kemudahan air dan elektrik sudah ada di Kg Pulau Gaya dan beroperasi 24 jam sehari. Perkara ini telah menyebabkan serba sedikit kehidupan ahli komuniti di Kg Pulau Gaya sudah berubah dari yang sebelum ini. Hal ini kerana, sebelum adanya air dan elektrik ini ahli komuniti bergantung dengan air hujan dan air yang di bawah dari bandar yang menggunakan bot untuk dijual kepada komuniti. Manakala, elektrik pula ada yang menggunakan generator sendiri dan ada yang menggunakan lilin serta lampu pelita sahaja. Oleh hal ini, kemudahan yang sedia ada sebelum membangunkan program homestay ini merupakan satu galakkan bagi memudahkan untuk mewujudkan program homestay di Kg Pulau Gaya.

*“...mampu sebab kemudahan elektrik sudah ada sini 24 jam dari SESB kalau air tu pun ada sudah disediakan tangki besar untuk keseluruhan kampung yang ada di Pulau Gaya...”*

**(Hajjah, 2020)**

Seterusnya, Encik Kanci menyatakan bahawa kemudahan elektrik di Kg Pulau Gaya mula disediakan oleh pihak kerajaan pada tahun 2012, manakala kemudahan air paip pada tahun 2014. Kemudahan air paip dan elektrik yang telah disediakan ini menyebabkan sedikit perubahan cara kehidupan ahli komuniti Kg Pulau Gaya yang sebelum ini bergantung dengan sumber air hujan dan air dibawa dari bandar serta menggunakan sumber tenaga elektrik tradisional kepada kehidupan yang lebih baik. Kemudahan ini memudahkan ahli komuniti untuk melakukan aktiviti harian mereka kerana sumber paip yang terus ke rumah ahli komuniti dan elektrik 24 jam beroperasi. Oleh itu, jika pembangunan program homestay dilaksanakan di Kg Pulau Gaya masalah berkaitan isu air dan elektirk tidak akan menjadi masalah lagi. Di samping itu, kemudahan yang tersedia ini menjadikan satu galakkan untuk membangunkan program homestay di Kg Pulau Gaya.

*“...kemudahan air dan elektrik sini sudah ada, elektrik sudah 24 jam dari tahun 2012 lagi dan air ini 2 tahun selepas tu 2014 sudah ada dibuat untuk Pulau Gaya ni ada tangki besar...”*

**(Kanci, 2020)**

Manakala, Encik Esmadol menyatakan bahawa kemudahan elektrik dan air paip yang sudah ada di Kg. Pulau Gaya memudahkan untuk pelaksanaan program homestay. Hal ini demikian kerana, menurut beliau sebelum membangunkan program homestay perlunya melalui pemeriksaan oleh pihak MOTAC untuk dinilai sama ada sesuai ataupun memenuhi syarat bagi pelaksanaan program homestay tersebut. Dalam hal ini, kemudahan elektrik 24 jam dan air paip yang sudah ada di Kg Pulau Gaya telah memenuhi salah satu syarat yang dikehendaki oleh MOTAC bagi membangunkan program homestay. Oleh itu, kemudahan yang tersedia ini merupakan faktor potensi program homestay dan penglibatan ahli komuniti di Kg Pulau Gaya.

*“...kemudahan asas sudah macam sekarang ini ada air ada elektrik okei la sikit, sebab kalau kita buat pemeriksaan, sebab sebelum kita bagi daftar homestay kan arhh MOTAC atau kerajaan negeri akan buat pemeriksaan tu...”*

Oleh hal ini, kemudahan infrastruktur yang sedia ada di Kg Pulau Gaya seperti elektrik dan air paip menjadi salah satu faktor potensi apenglibatan ahli komuniti dalam membangunkan program homestay di Kg Pulau Gaya.

**Jadual 3: Infrastruktur Asas yang Lengkap Seperti Elektrik dan Air di Kg Pulau Gaya Mengikut Jantina (N=150)**

Bil	Faktor Potensi	Skala Likert	Jantina	Peratus (%)	Jumlah
1	Mempunyai infrastruktur asas yang lengkap seperti elektrik dan air untuk kegunaan harian	Sangat Tidak Setuju	L = 6	4	13 (8.67%)
			P = 7	4.67	
		Tidak Setuju	L = 8	5.33	17 (11.33%)
			P = 9	6	
		Sederhana	L = 6	4	14 (9.33%)
			P = 8	5.33	
		Setuju	L = 37	24.67	76 (50.67%)
			P = 39	26	
		Sangat Setuju	L = 14	9.33	30 (20%)
			P = 16	10.66	
	<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100%</b>	<b>150 (100%)</b>	

Sumber: Kajian Lapangan, 2020

Kenyataan di atas disokong oleh hasil dapatan daripada soal selidik bahawa responden yang setuju mengikut jantina. Responden lelaki yang

setuju sebanyak 24.67 peratus mewakili 37 orang dan sangat setuju 9.33 peratus mewakili 14 orang responden. Manakala, responden perempuan setuju 26 peratus mewakili 39 orang dan sangat setuju 10.66 peratus mewakili 16 orang. Bagi keseluruhan yang setuju adalah sebanyak 50.67 peratus mewakili 76 orang dan sangat setuju 20 peratus mewakili 30 orang responden. Secara keseluruhan yang bersetuju dengan pernyataan tersebut menunjukkan 70.67 peratus mewakili 106 orang responden. Manakala, bagi data tidak setuju iaitu 11.33 peratus mewakili 17 orang responden dan data sangat tidak setuju 8.67 peratus mewakili 13 orang responden, secara keseluruhan menunjukkan 20.00 peratus mewakili 30 orang responden. Hal ini demikian kerana, walaupun ahli komuniti mempunyai kemudahan infrastruktur air dan elektrik serta mempunyai rumah yang sesuai untuk program homestay, namun masih ada sebilangan kecil responden mempunyai rumah yang kurang sesuai dan tidak menepati ciri-ciri homestay serta kurang kemudahan asas yang lengkap seperti rumah yang masih bersifat tradisional.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa potensi membangunkan program homestay dan penyertaan ahli komuniti di Pulau Gaya adalah tinggi. Ini kerana, berdasarkan pengumpulan data melalui borang soal selidik dan melalui temu bual terdapat beberapa orang berkepentingan di Pulau Gaya bersetuju bagi membangunkan program homestay di Pukau Gaya. Seterusnya, ahli komuniti yang bersedia terlibat dalam membangunkan program homestay juga kerana program ini berpotensi bagi meningkatkan ekonomi ahli komuniti khususnya peserta dalam program homestay dan terbukti dapat membantu meningkatkan ekonomi golongan B40. Hal ini kerana, pelancongan homestay di Malaysia telah banyak mendapat sambutan yang baik dan berkembang cukup pesat yang menjadi salah satu sumber pendapatan negara. Oleh itu, ahli komuniti ingin terlibat bagi mengubah taraf hidup bagi mendapatkan sumber pendapatan yang lebih terjamin.

## **Penghargaan**

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ramai pihak terutamanya ahli komuniti Pulau Gaya kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sehinggakan penyelidik dapat menyiapkan



penulisan dengan jayanya. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia bagi penyelidikan ini iaitu Prof. Dr. Rosazman Hussin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2008). Cross-border communities: Implications for bilateral relations and the ASEAN community. In *Community in ASEAN: Ideas and practices*, eds. S. Y. Tham, P. P. Lee and Norani Othman, 118–135. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, N. B., & Zilan, R. N. W. B. R. (2020). Kajian Tahap Kesedaran Pengguna Terhadap Penggunaan Sistem Pencegahan Kebakaran Di Kediaman Bertingkat. Pengajian Pengurusan Fasiliti Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Akim, K. A. S. (2012). Potensi sumber alam semulajadi dan aktiviti kemasyarakatan setempat sebagai daya tarikan pelancongan alam semulajadi di Menumbuk, Sabah (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sabah).
- Amran Hamzah & Zainab Khalifah (2009). *Handbook on community-based tourism: How to develop and sustain CBT*. Singapore. Asia-Pacific Economic Cooperation Secretariat.
- Ashworth, G. J. (2002). Holocaust tourism: The experience of Krakow-Kazimierz. *International Research in Geographical and Environmental Education*, 11(4), 363–367.
- Chua, Yan Piaw, (2011). Kaedah penyelidikan. 2 (eds.). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches*. London: Sage Publications, Inc.
- Ezawati Abdul Wasif & Norasmah Othman. (2019). Program Homestay Sebagai Satu Peluang Perniagaan Baru. *International Seminar On Global Education II (Volume II)\_68.pdf*  
[https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20II/VOL%202/International%20Seminar%20On%20Global%20Education%20II%20\(Volume%20II\)\\_68.pdf](https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20II/VOL%202/International%20Seminar%20On%20Global%20Education%20II%20(Volume%20II)_68.pdf) diakses pada 20 Jun 2021
- Ghazalli, F. S. M., Ghani, N. A., Abdullah, B., Chik, W. M. Y. W., Ramly, A. F., & Zabudin, A. A. M. (2020). Bentuk Halangan Keluarga dalam Membantu

Pemulihan Penagih Opiat di Negeri Terengganu [Form of Familial Hindrances in Supporting the Rehabilitation of Opiate Addict in the State of Terengganu]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(2), 1-16.

Hermawan, I. (2019). *Metodologi Penelitian Pendidikan (Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed Method)*. Hidayatul Quran.

*Jabatan Penyelidikan dan Inovasi*. (2015). Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

*Jabatan Penyelidikan dan Inovasi*. (2019). Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Jabil Mapjabil, Siti Asma Mohd Rosdi, Munir Shuib & Sharmini Abdullah, (2011). Pembangunan homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: *Profil, produk dan prospek*. *Malaysia Journal of Society and Space*, 7(2): 45-45.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2010). Pengurusan Homestay. Diakses 27 Mac 2019, from <http://www.infra.gov.my/web/guest/pengurusan-homestay>

Kementerian Pelancongan Malaysia (2010). Malaysia tourism key performance indicators 2009. Kuala Lumpur. Tourism Malaysia.

Kim, K. (2002). The effects of tourism impacts upon quality of life of residents in the community. State University, Virginia.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

Majdi & Udo Yamin Efendi. (2007). *Quranic Quotient*. Jakarta: Qultum Media.

Mapjabil J. & Ismail S. C. (2012). Program homestay di Sungai Semilang, Pulau Pinang: Pembangunan dan perubahan persekitaran. Dalam Mapjabil J, Din KH (eds). *Pelancongan di Malaysia: Isu-isu penyelidikan terpilih*. Universiti Utara Malaysia Press: Sintok.

MOTAC. (2019). Statistik homestay yang berdaftar sehingga Disember 2019. Diakses pada 8 Jun 2020 <http://www.motac.gov.my>.

Mustafar, F. W., Noh, N. M., Suhaini, N., & Karim, A. K. A. (2020). Potensi Pelancongan Di Tampin, Negeri Sembilan. *Jurnal Tuah*, 1 (1). 3-10

Nasser, M. N. M., Ahmad, H., Tawil, N., Ramlee, S., & Rabu, M. M. (2018). Kesediaan Pengusaha dalam Membangunkan Program Pengalaman Homestay Di Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1). 6-17

Nur Hazirah & Ros Mahwati (2020). Pelestarian permainan muzik kertuk dalam kalangan penduduk di negeri Kelantan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(2), 11-18.

- Norliza Aminudin & Salamiah A. Jamal (2006), *Homestay Selangor: Keunikan dan pengalaman pengusaha*. Pusat Penerbit Universiti, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Pretty, J. (1995). A The many interpretations of participation. In *Focus*, 16, 4-5.
- Profil Kampung Pulau Gaya (2019). Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah.
- Robbison, C. (1993). *Real World Research: A resource for Social Scientists and Practitioner-Researcher*. Oxford UK: Blackwell Publisher ltd.
- Ruane, J. M. (2005). *Essentials of research methods: A guide to social science research*. Blackwell publishing.
- Saravanan Sundara Sakaran, Harifah Mohd Noor. (2016). *Pengangkutan Berdayahuni Di Sabah: Faktor Keselesaan Pengangkutan Air Di Pulau Gaya, Kota Kinabalu*. Seminar Geografi Universiti Malaysia Sabah.
- Sihombing, B., & Simanjuntak, K. G. (2019). Peran Kompetensi Sumber Daya Manusia Pengelola Homestay Berbasis Entrepreneurship di Desa Silimalombu Samosir Dalam Meningkatkan Minat Wisatawan Mancanegara Berkunjung ke Kabupaten Samosir. *Jurnal Ilmiah Akomodasi Agung*, 6(2), 26-41.
- The ASEAN Secretariat, Public Outreach and Civil Society Division of The ASEAN Secretariat . (2016). ASEAN Homestay Standart. Jakarta. The ASEAN Secretariat. <http://www.motac.gov.my/program/standards/asean-tourism-standards.pdf> diakses pada 1 Mei 2021.
- Velan Kunjuran, (2019). Kajian terhadap syarat dan fenomena semasa dalam pembangunan program homestay di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(1).
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: Design and Methods* (3<sup>rd</sup> edition.). London: Sage.